



PERBADANAN LABUAN
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan**, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

1.0 JAWATAN : PEMBANTU PENGUAT KUASA

GREED : KP1
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARAF JAWATAN : KONTRAK (INTERIM)
Tiga (3) tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuat kuasa

BILANGAN KEKOSONGAN : 2

JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,500.00	RM 4680.00	RM 100.00

2.0 SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan .
(Gaji permulaan pada Gred KP 19 : RM 1,500.00) ; atau
- b. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM 1,500.00); atau
- c. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa melayu yang memuaskan.
(Gaji permulaan pada Gred KP1: RM 1,500.00); atau

- d. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred KP1 : RM 1,561.00); atau
- e. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP1 : RM 1,622.00)

Dan memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :

- f. Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- g. Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi Wanita;
- h. Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- i. Mempunyai sekurang-kurangnya 79cm ukuran dada yang biasa dan 84cm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- j. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- k. Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- l. Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

3.0 SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4.0 DESKRIPSI TUGAS

Membantu membuat operasi penguatkuasaan, penyediaan statistik penguatkuasaan, menyediakan rekod operasi dan pendakwaan, menyediakan kertas siasatan, terlibat dengan saksi kes-kes pendakwaan, siasatan dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa.

5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang permohonan yang boleh didapati dengan datang sendiri ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat Bawah Blok A, Wisma Perbadanan Labuan, W. P. Labuan. Maklumat jawatan kosong serta Borang Permohonan Jawatan juga boleh didapati melalui Laman Web: www.pl.gov.my;
- ii. **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan seperti berikut:**
 - a. **Sekeping gambar (ukuran passport) terkini;**
 - b. **Salinan kad pengenalan pemohon dan ibubapa;**
 - c. **Sijil lahir pemohon dan ibubapa;**
 - d. **Sijil-sijil persekolahan dan kelulusan akademik; (SPM)**
 - e. **Sijil berhenti sekolah;**
 - f. **Sijil Digital Lengkap Vaksinasi Covid-19 dan**
 - g. **Sijil kegiatan luar dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.**
(semua salinan dokumen yang dinyatakan di atas perlu disahkan dari salinan asal oleh Pegawai Kerajaan Gred 9 dan ke atas atau pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pendidikan untuk sijil-sijil berkaitan)
- iii. Pemohon hendaklah bebas daripada apa-apa rekod jenayah, tidak menggunakan atau mengambil apa-apa dadah berbahaya serta tiada masalah penyakit kronik yang boleh menjejaskan prestasi kerja;
- iv. Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (ii) dan (iii) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak; dan
- v. Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.

PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN
WISMA PERBADANAN LABUAN
TINGKAT BAWAH BLOK A
PETI SURAT 81245
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
(U.P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Bil. Fail Rujukan	:	PL/PSM/500-9/3
No. Talian Perhubungan	:	087 – 581819, 581809, 581815
Sebelum atau pada	:	06 JUN 2025

CATITAN

1. Hanya calon yang disenarai pendek akan dijemput hadir ke sesi temu duga.
2. Sekiranya pemohon yang tidak menerima panggilan untuk sesi temuduga selepas enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
3. Sekiranya pemohon yang dijemput hadir temuduga tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh temuduga diadakan, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
4. Perbadanan Labuan boleh melanjutkan tempoh validasi borang permohonan sehingga tempoh yang ditetapkan.